

KECENDERUNGAN PERILAKU INDIVIDU AUTISME DALAM PELANGGARAN UNDANG-UNDANG : SATU PERSPEKTIF DI KALANGAN GURU PENDIDIKAN KHAS DI MALAYSIA

Behavioral Propensity Of Person With Autism In Violation Of Law : A Perspective Among Special Education Teachers In Malaysia

Zuliza Mohd Kusriⁱ, Zahidah Dahalanⁱⁱ, Wafaa' Yusofⁱⁱⁱ & AbRahman Roseliza-Murni^{iv}

ⁱ (Corresponding author). Prof. Madya (PhD), Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, E-mel: zuli@ukm.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, E-mel: zahidah_zuhud@yahoo.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, E-mel: wafaa@ukm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan (PhD), Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, E-mel: rmurni@ukm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Kecelaruhan neuro-psikologikal yang dialami oleh individu autisme menyebabkan mereka mengalami defisit dalam kemahiran sosial, yang mana implikasinya mempengaruhi perilaku mereka. Perilaku berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai, obses kepada rutin harian dan sukar memahami perkara abstrak, cenderung menyebabkan mereka berperilaku berisiko tinggi yang boleh membawa kepada pelanggaran undang-undang. Objektif kajian ialah mengkaji perilaku individu autisme yang cenderung melanggar undang-undang menurut perspektif guru-guru di pusat autisme dan sekolah pendidikan khas di Malaysia. Metod pengumpulan data ialah tembu bual kumpulan fokus (FGD) bersama 25 orang informan dalam kalangan guru pendidikan khas. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil perbincangan mendapati antara perilaku pelanggaran undang-undang oleh individu autisme adalah cubaan mencederakan orang lain, membakar bangunan, merosakkan harta</i></p>	<p><i>Autism a subtype of neuro-developmental disorders, causes the afflicted person to have social skills deficit, which then manifests into their behaviours. Behaviours which are typical among persons with autism such as obsessions with daily routine, difficulties in understanding abstract matters and codes of conduct may expose them to engage in indecent acts in public or exhibiting other forms of risky behaviours that violate social norms and break the law. The objective of this research is to study the behaviour of persons with autism who tend to break the law based on the perspective of teachers at autism centres in Malaysia. Data were collected through focus group discussion (FGD) with 25 special education teachers who were directly involved in the process of early intervention and education of children with autism. Data obtained were then analyzed descriptively and thematic analysis was conducted to obtain the recurring themes. Results of FGD demonstrated that the</i></p>

<p>awam, mencuri, kesalahan seksual dan siber. Implikasi kajian mendapati terdapat perilaku individu autisme yang melanggar undang-undang, yang terkandung dalam Kanun Keseksaan dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Namun kebanyakan pihak menganggapnya sebagai perilaku tersendiri sebahagian individu autisme, menyebabkan perkara tersebut tidak dianggap serius berikutan tiada laporan mahupun pendakwaan dilanjutkan ke pihak berkuasa. Oleh itu, dicadangkan agar para guru, ibu bapa, penjaga lebih cakna dalam mencegah perlakuan berisiko tinggi individu autisme melalui intervensi awal dan dilakukan secara berterusan sesuai dengan tahap keparahan spektrum kecelaruan yang dialami.</p> <p>Kata kunci: autisme, perilaku, pelanggaran undang-undang, perspektif guru, pendidikan khas</p>	<p>frequently emerging themes of rule-breaking behaviors committed by persons with autism are physically hurting others, setting buildings on fire (arson), vandalism of public property, theft, sexual and cyber offences which are considered as criminal acts under the Penal Code and the Shariah Criminal Offences State Enactment/Act. Most research participants, however, considered these behaviors to be part of the individual's autistic behavior and thus do not consider them serious enough to report to law enforcement for investigation and prosecution. Thus, it is recommended that teachers, parents, and caretakers be more attentive to preventing high-risk behavior of persons with autism through ongoing early intervention programs tailored to meet the needs of persons with autism. Research findings can help society to better understand autistic behavior that needs timely intervention, so it won't lead to an investigation by the police or to criminal prosecution.</p> <p>Keywords: autism, behaviour, in conflict with the law, teachers' perspective, autism centres</p>
---	--

PENDAHULUAN

Menurut *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*, Edisi ke-5 (American Psychiatric Association [APA], 2013) kecelaruan spektrum autisme merupakan salah satu kecelaruan yang dikategorikan di bawah kecelaruan perkembangan-neuro. Ia dicirikan oleh masalah dalam kemahiran sosial, komunikasi serta imaginasi (APA, 2013). Kecelaruan yang dialami ini menjadikan daya imaginasi, minat dan tingkah laku individu bersifat terhad, stereotaip dan berulang-ulang (Helterschou et al, 2015). Ciri-ciri ini boleh menyebabkan mereka cenderung untuk terlibat dengan pelanggaran undang-undang sama ada sebagai pelaku mahupun mangsa. Kecelaruan yang bersifat pelbagai spektrum ini boleh dikelaskan kepada tiga tahap keparahan yang berjulat daripada ringan (*mild*), sederhana (*moderate*) hingga teruk (*severe*). Tahap keparahan yang dialami ini menentukan tahap kefungsiannya sama ada individu berkefungsi tinggi atau rendah serta ia juga mendominasi perilaku individu autisme. Antara indikator utama dalam menentukan diagnosis kecelaruan spektrum autisme adalah masalah dalam komunikasi secara lisan

mahupun keupayaan untuk memahami interaksi sosial yang bersifat bukan lisan (APA, 2013; Ray, 2021; Whitbourne, 2020). Ketidakupayaan individu autisme untuk berinteraksi secara lisan ataupun bukan lisan mendedahkan mereka kepada perilaku berisiko tinggi ke arah pelanggaran undang-undang, kerana mereka tidak berupaya memahami kod dan etika perlakuan yang ditetapkan oleh masyarakat setempat. Dengan kata lain, kecelaruan yang dialami ini boleh membawa kepada pelanggaran undang-undang dan norma masyarakat.

Individu autisme juga termasuk dalam definisi Orang Kurang Upaya seperti yang terkandung dalam Akta Orang Kurang Upaya (2008) seksyen 2 iaitu "...termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat". Individu autisme yang telah didiagnos dan apabila telah membuat pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), maka ia akan menerima satu kad yang dipanggil kad OKU. Kad tersebut menjadi bukti dokumentasi bagi individu kurang upaya tersebut (Zulazhar et al, 2020). Hal ini penting sebagai rujukan pihak penguatkuasa dalam menjalankan sebarang tindakan seterusnya hal yang melibatkan sabitan hukuman di Mahkamah.

Terdapat sesetengah kes lalu yang telah didokumentasi, memperlihatkan bahawa individu autisme juga berisiko terlibat dengan jenayah dari pelbagai aspek. Buktinya di luar negara, individu autisme berada di dalam penjara lebih tinggi berbanding dalam populasi umum (Allely CS, 2015) dan kebiasaannya dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah psikiatri secara komorbid (Freckelton, 2011). Terdapat juga dokumentasi perilaku ekstrem seperti menggodam, mencederakan orang lain, serangan seksual, memusnahkan harta benda awam, membakar dan sebagainya. Ironinya di Malaysia, kurang liputan dan laporan kes melibatkan individu autisme dalam kesalahan jenayah berkemungkinan konsep budaya kolektivistik diamalkan di Malaysia dan sikap toleransi masyarakat awam menjadikan kes jenayah melibatkan individu autisme kurang dilaporkan. Ketiadaan laporan kes tersebut memberi gambaran bahawa situasi di Malaysia bukanlah di tahap yang berbahaya dan perilaku individu autisme yang melanggar norma masyarakat adalah difikirkan perbuatan tersendiri. Namun, sejauhmanakah kesahihan tersebut? Adakah ketiadaan kes yang dilaporkan menjadikan ia difahami bahawa tiada berlaku sebarang pelanggaran undang-undang oleh individu autisme di Malaysia?

Persamaan simptom utama yang dihadapi oleh individu autisme seperti kefahaman tidak normal jelas membuktikan mereka juga mempunyai risiko tingkah laku yang bersalahan dengan norma masyarakat. Bahkan, sebahagiannya terkandung dalam Kanun Keseksaan dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Temu bual bersama guru-guru pendidikan khas

terpilih di Malaysia bertujuan mengenal pasti perilaku individu autisme cenderung dengan pelanggaran undang-undang.

KAJIAN LITERATUR

Kanak-kanak yang didiagnos sebagai autisme mengalami kemerosotan kemahiran komunikasi, sosial dan kesukaran tingkah laku, hal ini menyebabkan mereka seringkali diragui tingkah laku “asosial”, imaginasi terhad sehingga menyebabkan ruang lingkup minat juga terhad (Hasnah, 2010). Misalnya perilaku berulang-ulang, tidak dapat mengawal emosi, hilang tumpuan, mudah berubah perhatian, dan kemudiannya memberi kesan kepada persepsi serta pemahaman mereka terhadap orang lain (Mastura & Mimi, 2014). Justeru, sokongan daripada keluarga amat diperlukan (Hall & Graft, 2011). Tekanan yang berpunca daripada tingkah laku kanak-kanak autisme itu berbeza dan mencabar berbanding kanak-kanak tipikal (Dyson, 1997).

Individu autisme kategori *high functioning* tidak menunjukkan kecacatan intelektual tetapi mungkin menunjukkan kekurangan dalam komunikasi, pengenalan emosi dan ekspresi serta interaksi sosial ini dikatakan lebih terdedah kepada pelanggaran undang-undang dan norma masyarakat. Keadaan tersebut membolehkan mereka keluar daripada rumah dan terlibat dengan masyarakat secara langsung (Norasmah, 2021) serta terdedah kepada pengaruh luar. Walaupun sebahagiannya mempunyai IQ dan idea yang tinggi namun mempunyai masalah dalam meregulasi emosi dan mengawal naluri menjadikan mereka lebih mudah cenderung terlibat melakukan kesalahan jenayah tanpa disedari (Rahmawati, 2021). Berbeza dengan individu autisme kategori *low functioning*, mereka mendapat kawalan yang rapi daripada ibu bapa mahupun penjaga rentetan keadaannya yang tidak dapat berkomunikasi secara verbal. Keadaan tersebut mempengaruhi kaedah luahannya yang mungkin boleh membahayakan orang lain seperti tantrum dan sebagainya. Oleh itu, perilaku individu autisme ini boleh dikategorikan melalui beberapa aspek: emosi, perbuatan dan sensori.

Emosi anak autisme bersifat kompleks, mengalami kebutaan minda (*mind blindness*), berhadapan masalah memahami fikiran orang lain termasuk emosi, perasaan dan kepercayaan menyebabkan mereka berhadapan kelemahan dalam bersosial dan komunikasi selain tingkah laku berulang (Osman & Hatina, 2019). Mereka turut mempunyai rangsangan seks atau berpasangan (Lai et al, 2015). Perilaku seksual bermula apabila berlaku perubahan organ biologi akibat kematangan organ pembiakan yang turut melibatkan emosi, menyebabkan sebahagian mereka mempamerkan perilaku seksual di khalayak ramai kerana tidak memahami situasi berikutan berlawanan dengan norma masyarakat (Freckelton, 2011; Fariza, 2017). Antara perilaku seksualnya seperti menyentuh orang lain secara tidak sopan, mencium bibir dan dada rakan, meraba dan sebagainya (Zuraini & Zuliza, 2018). Gangguan

emosi menyebabkan mereka melepaskan perasaan geram atau tantrum melalui kerosakan harta benda dan sebagainya (Norasmah, 2021). Misalnya, merosakkan kerusi dan menconteng dinding (Rahmawati, 2021). Kesukaran untuk berinteraksi dan bersosial mengekang mereka untuk meluahkan keinginannya seterusnya bertindak atas faktor kawalan emosi semata-mata.

Perilaku individu autisme berkaitan perbuatan seperti berperilaku agresif mahupun hiperaktif (Muhd Haziq & Nurul Akma, 2019), yang membahayakan keluarga dan masyarakat sekeliling. Contohnya, mencengkam, membaling barang, mencubit, menendang, menarik rambut, mencekik, menghantuk kepala dan menjerit terutama ketika perkara yang diingini tidak dipenuhi. Perilaku agresif yang berlebihan mengancam kesihatan mental dan fizikal seperti kes menendang orang lain sehingga jatuh dari tingkat 2 dan menyebabkan kecederaan (Siti Marziah dan Nor Shahirah, 2018) serta memukul belakang badan guru dengan kuat (Zubir, 2021). Dipercayai, tindakan tersebut bukanlah dengan niat jahat (*intention*) namun lebih kepada gurauan dan teguran yang bersahaja tanpa memikirkan kesannya.

Kurang kemahiran dalam bersosial dan ketidakupayaan meregulasi emosi dalam kalangan individu yang mengalami spektrum autisme menyebabkan mereka berpotensi mencederakan orang lain, seperti di Kanada, dalam kes *R v Kagan* (2007) 261 NSR, di mana Mr Kagan yang mempunyai sindrom asperger didapati bersalah kerana mencederakan Mr Kinney menggunakan "bear spray" berbahaya serta menikam badan Mr Kinney. Terdapat juga mereka terlibat dengan jenayah membakar bangunan, membunuh, keganasan fizikal, menceroboh dan memusnahkan harta orang lain seperti kes *Glover v Police* (2009) HC 1150 di New Zealand. Dalam kes *DPP v HPW* (2011) VSCA 88 di Australia, HPW, 47 tahun didiagnos mempunyai sindrom asperger didapati bersalah berkaitan jenayah seksual.

Dari aspek sensori atau kederiaan, mereka sering dikaitkan dengan sensori yang sensitif. Ciri kederiaan seperti tidak boleh mendengar bunyi bising misalnya sering terjadi di kalangan individu autisme. Mereka sensitif dengan pendengaran akan bertindak di luar jangkaan apabila mendengar bunyi yang kuat. Misalnya akan menyorok di dalam almari dan selimut, menutup telinga dan berguling-guling. Perilaku ini boleh terjadi bila-bila masa tanpa mengira tempat seperti pusat membeli belah, pasaraya, kesan daripada bunyi dan suasana di luar (Siti Marziah & Nor Shahirah, 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah kualitatif melalui kaedah temu bual kumpulan fokus (FGD). Temu bual interaksi bersemuka secara atas talian (*online*) bersama informan guru pendidikan khas telah dijalankan menerusi aplikasi *Google Meet*, melibatkan seramai 25 orang informan guru (21 Melayu dan 4 cina) yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dalam kalangan guru

pendidikan remaja autisme yang beroperasi di Malaysia, telah berkhidmat sebagai guru pendidikan khas melebihi tempoh lima tahun dan berada sama ada di bandar mahupun luar bandar di Malaysia. Data temu bual ditranskripsi secara manual, kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual bersama 25 orang informan guru pendidikan khas mendapati terdapat beberapa perilaku jenayah autisme cenderung melanggar undang-undang iaitu membakar premis, percubaan mencederakan, mencuri, merosakkan harta benda awam, kesalahan seksual dan siber. Perilaku tersebut adalah suatu kesalahan dalam Kanun Keseksaan dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia, dalam perbincangan merujuk kepada Selangor. Perbincangan seterusnya adalah analisis terhadap perilaku tersebut berdasarkan respon daripada temu bual bersama informan.

a) Membakar Premis

Seramai 6 orang informan bersetuju wujudnya kes membakar premis sebelum ini melibatkan remaja autisme di Sekolah mereka, di mana ia adalah perbuatan khianat sejajar dengan perilaku jenayah dalam Kanun Keseksaan- Seksyen 436, khianat dengan api atau benda letupan dengan niat hendak membinasakan rumah dan sebagainya. Informan memaklumkan seperti berikut:

“...di sini, banyak kes ada memukul, mencuri, membakar pun ada. Macam ada satu pelajar ni, dia tak puas hati ada kedai buka kat sebelah rumah dia sehingga keluarganya kena pindah, jadi dia tak suka, dia bakar kedai tu...”

(Informan 1, kumpulan 4, 2021)

Faktor ketidakpuasan hati atau stigma sosial individu autisme itu tersendiri sebagai tanda protes menjadikan ia bertindak sedemikian tanpa mengira situasi ini mengancam orang lain dan dirinya (Norasmah, 2021). Perilaku tersebut terjadi ekoran ciri semula jadinya yang defisit interaksi sosial dan komunikasi serta kefahaman tidak normal (Freckelton, 2011). Kekurangan tersebut boleh menyebabkan mereka tantrum (Muhd Syukri, 2018). Perilaku ini berkait dengan faktor kawalan emosi memahami implikasi ia boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan tindakan undang-undang, seperti kenyataan informan:

“...dia buat dia pun tak tahu benda tu salah, dia cuma buat sebab dia tak suka.”

(Informan 1, kumpulan 4, 2021)

b) Mencederakan Orang

Perilaku memukul, menendang, membaling sering dikaitkan dengan individu autisme dan ia cabaran terbesar bagi ibu bapa, penjaga mahupun guru

menanganinya (Siti Marziah & Nor Shahirah, 2018). 12 informan mengakui wujudnya jenayah mencederakan oleh remaja autisme, seperti dalam Kanun Keseksaan- Seksyen 324, kesalahan mencederakan iaitu dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang berbahaya. Menurut pengalaman informan, percubaan mencederakan ini tidak terkecuali menjadikan guru sebagai mangsa:

“...masa tu saya sedang mencabut rumput, jadi pelajar autisme ni lalu, dia tepuk belakang saya sekuat-kuat hati memang sakitlah, senak... saya rasa dia nak berkawan dia nak tegur, dan yang kedua pelajar ni pukul saya dengan batang penyapu...”

(Informan 4, kumpulan 3, 2021)

Contoh lain adalah perilaku penggunaan suatu objek berbahaya iaitu “batang penyapu” adalah dianggap berisiko mencederakan orang lain dan mengancam nyawa sekiranya terjadi kecederaan tanpa niat.

Para guru, mampu memahami tindakan tersebut disebabkan faktor ketidakupayaan mereka memahami perspektif dan perasaan orang lain, akibat defisit dalam teori minda. Namun, sikap toleransi yang tinggi daripada guru serta kefahaman mereka tentang sifat semula jadi autisme ini menjadikan perilaku yang salah dianggap sebagai sesuatu yang lumrah, seperti pernyataan berikut:

“...kita dah biasa, kadang kalau dia marah, dia boleh pukul-pukul, mengamuk, baling barang...gigit diri sendiri pun ada.. kita faham, tapi kalau orang luar mungkin tak faham dan anggap mereka ni bahaya”

(Informan 5, kumpulan 5, 2021)

Perilaku menggigit dan memukul mampu memberi kesan buruk. Buktinya, berlaku peningkatan setiap tahun bilangan individu autisme mendapatkan rawatan di hospital (Wong, 2015).

c) Mengambil Barang atau Mencuri

Wujud kes kecurian melibatkan individu autisme sehingga ke peringkat pendakwaan di mahkamah pada 2018 (Talha, 2021) seperti dalam Kanun Keseksaan- Seksyen 378- mengambil dengan curangnya apa-apa harta yang boleh dialih daripada milik mana-mana orang dengan tiada kerelaan, menggerakkan harta dengan tujuan mengambilnya seperti kenyataan berikut:

“...sebenarnya ni kes terpercil...berumur 16 tahun, berlaku di luar sekolah, apabila salah seorang dia ditangkap oleh pihak polis kerana dituduh mencuri motorsikal masalahnya ialah motorsikal tu adalah

motorsikal jiran dan dia hanya alihkan dan jiran *report* dia curi dan polis tangkap dan kami bagi penjelasan murid ni autisme pendidikan khas."

(Informan 1, kumpulan 3, 2021)

Hakikatnya perilaku obsesi terhadap sesuatu yang berulang-ulang (Hall & Graff, 2011) merupakan ciri semula jadi autisme, misalnya tayar motosikal yang berpusing atau tarikan lain merupakan modus operandi kes kecurian motosikal tersebut. Kefahaman tidak normal menyebabkan mereka sering disalah anggap (Allely, 2015) oleh pihak lain seperti kenyataan berikut:

"...murid ni hanya pandai angguk je, kalau kata awak ada niat nak curi? dia angguk. "Awak ada niat nak jual?" dia angguk, dia tak tahu pun implikasi dengan dia angguk."

(Informan 1&4, kumpulan 3, 2021)

Implikasi kegagalan untuk memahami dan tindakan "angguk" tersebut boleh mensabitkan mereka dengan kesalahan jenayah mencuri.

d) Perilaku Seksual

Kesemua informan guru bersetuju wujudnya perilaku jenayah seksual dalam kalangan remaja autisme. Perilaku jenayah seksual tersebut sejajar dengan kesalahan dalam peruntukan Kanun Keseksaan -Seksyen 377D, melanggar kesopanan, mana-mana orang melakukan atau bersubahat melakukan atau mendapat atau mencuba supaya dilakukan oleh mana-mana orang, apa-apa perbuatan kelucahan melampau dengan orang lain di tempat awam atau di tempat persendirian hendaklah diseksa dengan dipenjara selama tempoh boleh sampai 2 tahun.

Kesalahan ini juga terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri- Seksyen 20-29 (Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997) – Bahagian IV, Kesalahan yang berhubungan dengan Kesusilaan iaitu perbuatan sumbang Mahram, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, khalwat dan perbuatan tidak sopan di tempat awam. Apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebut tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Hal ini dipandang serius kerana majoriti informan mempunyai pengalaman berhadapan dengan situasi perilaku seksual melibatkan individu autisme, adalah dinyatakan seperti berikut:

"ada juga yang keinginan sesama jantina, asyik pegang je kemana-mana."

(Informan 1, kumpulan 1, 2020)

“macam masturbasi, mencium, selak kain cikgu, meraba tadi tu betul lah tu , mungkin peluk, peluk pun kita jumpa, *i love u*, sayang, mungkin bagi orang biasa tak sopan..”

(Informan guru, kumpulan 3,4,5, 2021)

Kematangan fizikal tidak seiring perkembangan mental menjadikan individu autisme gagal mengawal keinginan seksualnya tanpa menghiraukan keadaan persekitaran (Zuraini, 2017).

e) Perilaku Berkaitan Jenayah Siber

Beberapa kes, melibatkan kecurian pada awalnya namun berakhir dengan jenayah pemalsuan dokumen tanpa disedari, seperti dalam Kanun Keseksaan-Seksyen 468. Hal ini dinyatakan oleh informan seperti berikut:

“banyak kali, pelajar ini mula-mula dia curi pendrive, kemudian dia tukar nama dan hak milik *pendrive* itu dan jadikan dia punya, semua maklumat dalam tu pun dia ubah”

(Informan 3, kumpulan 5, 2021)

Motif aktiviti menggodam tersebut berkemungkinan atas faktor keinginan yang tinggi (*curiosity*) terhadap sesuatu yang diminati, namun berisiko menjadikan mereka terkait dengan Kanun Keseksaan seksyen 436. Pemalsuan dokumen yang dimaksudkan dalam peruntukan ini termasuklah *pendrive* tersebut, menyebabkan kehilangan atau kerosakan kepada peralatan, data atau maklumat yang mempunyai perisian tertentu dan dianggap jenayah siber (Muhd Asyraf, 2013). Di luar negara, perilakunya lebih ekstrem seperti kes menggodam data rasmi kerajaan, mencerooboh *software* dan sebagainya (Freckelton, 2011).

f) Vandalisme/ Merosakkan Harta Benda Awam

12 orang informan bersetuju adanya perilaku merosakkan harta benda awam dilakukan oleh remaja autisme. Perilaku Vandalisme dalam Kanun Keseksaan-Seksyen 425, adalah perbuatan khianat- melakukan dengan niat hendak menyebabkan atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin menyebabkan, kerugian atau kehilangan salah kepada awam atau seseorang, menyebabkan kebinasaan apa-apa harta atau kepada kedudukannya yang membinasakan atau mengurangkan harga atau kegunaannya. Hal ini telah dinyatakan oleh informan seperti kenyataan berikut:

“ya ada juga, mereka menconteng dinding, perilaku vandalisme, baling kerusi ke, meja ka.”

(Informan, kumpulan 4, 2021)

“...kalau dia mengamuk, dia rosakkan lah kerusi ke apa ke.”

(Informan 4, kumpulan 5, 2021)

Tingkah laku pemusnah kebiasaannya berpunca daripada emosi marah atau protes (Siti Marziah & Nor Shahirah, 2018), sekiranya berlarutan, dibimbangi mereka bertindak di luar kawalan sehingga berisiko mereka terdedah kepada kesalahan yang terkandung dalam kanun keseksaan.

KESIMPULAN

Temu bual bersama informan guru pendidikan khas didapati wujud perilaku tersendiri individu autisme cenderung kepada pelanggaran undang-undang yang boleh disabitkan dengan Kanun Keseksaan dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Perilaku tersendiri ini walaupun kelihatan membahayakan, tetapi stigma masyarakat yang sentiasa bertolenrasi menyebabkan perilaku tersebut kurang dianggap serius. Justeru mentaliti ini perlu diubah dengan sikap peduli dan prihatin oleh semua pihak sama ada ibu bapa, penjaga, guru mahupun masyarakat bagi membantu individu autismeterhindar daripada risiko terlibat dengan kesalahan melanggar norma masyarakat dan undang-undang. Oleh itu, kajian ini diharapkan membantu masyarakat memahami perilaku autisme yang perlu ditangani dengan sewajarnya sebelum melibatkan sebarang laporan mahupun pendakwaan di Mahkamah.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kumpulan Penyelidikan dari Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tajuk penyelidikan “Pembinaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Pengendalian Tahanan Individu Autisme oleh Penguatkuasa Agama” (Kod Penyelidikan- FRGS/1/2019/SS06/UKM/02/4) serta Kementerian Pendidikan Malaysia, atas biaya geran penyelidikan tersebut.

RUJUKAN

- Allely CS. (2015). Autism Spectrum Disorder in the Criminal Justice System: Police Interviewing, the courtroom and the Prison Environment. University Of Gothenburg, Sweden.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997.
- American Psychiatric Association. (2013). Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition (DSM-5). Washington DC: American Association (APA).
- Eaves. L.C & Ho, H.h. (1996). Stability And Change in Cognitive and Behavioral Characteristics of Autism Through Childhood. *Journal Of Autism and Developmental Disability* 26 (5): 557-569.

- Everad. M.P. (1976). *An Approach to Teaching Autistic Children* Oxford: Pergamon Press.
- Dyson, L.I. (1997). Families Of Young Children with Handicaps: Parental Stress and Family Functioning. *American Journal on Mental Retardation*, 95(6), 623-629.
- Fariza Md. Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd.Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhammad. (2017). Panduan Syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 169-182.
- Freckelton. I. (2011). Autism Spectrum Disorders and The Criminal Law. In Mohamad Reza Muhammadi. *A Comprehensive Book on Autism Spectrum Disorders*. United Kingdom: Intechopen.
- Huwaidi, M.A & Dagushtani. W.H. (2013). Sexual Behaviour in Male Adolescent with Autism Ant Its Relation to Social Sexual Skills In The Kingdom Of Saudi Arabia. *International Journal of Special Education* 29(2):1-7.
- Hall, H.R & Graff J. (2011). The Relationship Among Adaptive Behaviours of Children with Autism, Family Support, Parenting Stress and Coping. *Issues In Comprehensive Pediatric Nursing*. 34(1). 4-25.
- Hellemans. H. Colson, K.Verbraeken, C, Vermeiren, R, & Deboutte. D (2007). Sexual Behaviour in High Functioning Male Adolescents and Young Adults with Autism Spectrum Disorder. *Journal Of Autism and Developmental Disorders*, 37(2), 260-269.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Noraini Saleh. (2010). Tahap Latihan Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas tentang Autisme. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (1): 19-26.
- Kanun Keseksaan. Penal code, Act 574, 2018.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Liew Ping Yee & Manisah Mohd. Ali. (2008). Amalan Program Intervensi Awal Kanak-kanak Autistik Mengikut Perspektif Ibu bapa. *Jurnal Pendidikan* 33 19-33.
- Mastura, B & Mimi F.Z. (2014). Early Identification of Autism Spectrum Disorder Among Young Children, *IIUM Journal of Educational Studies*, 2(1). 67-89.
- Meng-Chuan Lai & Simon Baron-Cohen. (2015). Understanding autism in the light of sex/ gender. *Molecular Autism* 6:24.
- Muhammad Asyraf Ahmad Termimi, Muhammad Ikhlas Rosele & Syamsul Azizul. (2013). Jenayah Siber: Pengelasan Di Antara Al-Jaraim Dan Al-Jina'i Menurut Sistem Perundangan Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence IN Contemporary Society*. Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zrrina SA'Ari & Syed Mohammad Helmi Syed Abdul Rahman. (2018). Pendekatan Psikoterapi Islam Terhadap Kanak-Kanak Autistik. *Akademika* 88(1), April 2018:65-73
- Mohd. Zaini MAT Abas. (2015). *Rahsia Dan Keunikan Personaliti Kanak-Kanak Autistik Di Malaysia*. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Haziq Mohd Sharif & Nurul Akma Jamil. (2019). Cabaran Ibu bapa Bersama Kanak-kanak Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD): Tinjauan Literatur. *Jurnal Sains Sosial* Jilid. 4 (1) 2019: 33-43.
- Nor Azah Abdul Aziz. (2011). Kaedah Menangani Stress Dengan Solat. *Jurnal Islam Dan Pendidikan Arab* 3: 1-10.
- Osman Lisut & Hatina Shuib. (2019). Keperluan Psikologi anak autisme normal. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/04/549161/keperluan-psikologi-biologi-anak-autisme-normal>. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Ray, W.J. (2021). *Abnormal Psychology*, 3rd Ed. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Siti Marziah Zakaria, Nor Shahirah Mat Tauhaid. (2018). Cabaran Anak-Anak Autisme daripada Perspektif Ibu. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (1): 58-71 ISSN-2289-8274
- Suhaily, Ms & Siti Syuhada. (2017). Public Awareness on the Characteristics of Children with Autism In Selangor. *Malaysian Of Journal Education*, 1(2), 73-8
- Stokes, M.A & Kaur, A. (2005). High Functioning Autism and Sexuality: A parental Perspective. *Journal Autism* 9(3): 266-289
- Tahir, Z., Thambapillay, S., Yusoff, J. Z. M., & Rahman, A. S. A. (2020). Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia. *The Malaysian Journal Of Social Administration*, 14(1), 96-114.
- Turcotte, P, Shea,L.L. & Mandel. D. (2018). School Discipline, Hospitalization and Police Contact Overlap Among Individuals with Autism Spectrum Disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 48 (3), 883-891.
- Whitbourne, S. K. (2020). *Abnormal Psychology: Clinical perspectives of psychological disorders*, 9th Ed. New York: McGraw-Hill Education.
- Woodbury-Smith, (2010). Asperger Syndrome and Criminal Behaviour. *APT* 16:37-43.
- Wong. Y.S. 2015. *Factors Associated with Stress of Parents with Children Suffering from Autistic Spectrum Disorders*. Doctoral Dissertation. The Chinese University of Hong Kong.
- Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. (2017). *Remaja Autisme dan Perilaku Seksual*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliza Mohd Kusrin, Al-Adib Samuri, Manisah Ali & Fariza Md. Sham. (2020). *Intervensi Individu dengan Autisme berkaitan Tingkah Laku Seksual*

(Intervention of individual with autism concerning sexual behaviour).
MANU Bil. 31(1), 121-137.

Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. (2015). Amalan Intervensi terhadap Perilaku Seksual Remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD) oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Menurut Syarak. *Jurnal Islamiyyat* 37 (2): 163-172.

Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)

- Chia Siang Hiang. (2021). SMK Dato' Mustaffa, Sabak, Selangor
- Dantini Juring. (2021). Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, Kuching, Sarawak
- Dgku Nimah binti Pg Ag Abas. (2021). SMK Kinabutan II, Sabah
- Husnan bin Khufadli. (2021). Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, Kuching, Sarawak
- Jamilah bt Tahir. (2021). SMK Kinabutan II, Sabah
Kajang, Selangor
- Liney Diana. (2020). National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.
- Mohd Hisyam bin Ibrahim. (2021). SMK Dato' Mustaffa, Sabak, Selangor
- Mohd Talha bin Nawari. (2021). SMK Dato' Mustaffa, Sabak, Selangor
- Nazima Zakaria. (2021). Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, PKIB),
- Norasmah@Norasmah binti Mohd Basri. (2021). SMK Kinabutan II, Sabah
- Normar Binti Md Arifin. (2021). SMK Dato' Mustaffa, Sabak, Selangor
- Nur Syahida binti Sulaiman. (2021). SMK St Joseph, Miri, Sarawak
- Nuraiza Naziha binti Khalidi. (2021). Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, PKIB), Kajang, Selangor
- Nurul Ain bt Mohd Ilias. (2020). National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan,
Pahang
- Nurul Norshahila bt Omar. (2020). National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan,
Pahang
- Nurul Syuhada binti Arifin. (2021). Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi,
Pang Lee Ying, 2021, SMK St Joseph, Miri, Sarawak
PKIB), Kajang, Selangor.
- Rahmawati binti Mohamad. (2021). SMK Kinabutan II, Sabah
- Sarniati bt Pide. (2021). SMK Kinabutan II, Sabah
- Siti Hasha binti Saari. (2021). SMK Dato' Mustaffa, Sabak, Selangor
- Su Li Na. (2021). SMK St Joseph, Miri, Sarawak

Tay Hui Chin. (2021). SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, Kuching, Sarawak

Wan Zawati bt Wan Zin. (2020). National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang

Zubir Bin Ismail. (2021). SMK Dato' Mustaffa, Sabak, Selangor

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.